

28 SEP 2001

Gerakan-Resolusi (Pemuda/Wanita)

PEMUDA GERAKAN GESA KERAJAAN TUBUH SURUHANJAYA PENCEGAH RASUAH

KUALA LUMPUR, 28 Sept (Bernama) -- Pemuda parti Gerakan hari ini meluluskan beberapa resolusi termasuk mendesak kerajaan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Pencegah Rasuah yang bersifat bebas untuk membanteras rasuah dalam sektor awam dan swasta.

Pada persidangan perwakilan Pemuda dan Wanita di sini hari ini, Pemuda juga mencadangkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) supaya bertanggungjawab atas kerugian yang dialami oleh pekerja akibat kegagalan majikan membuat caruman kepada KWSP walaupun selepas potongan gaji.

Resolusi lain ialah:

- * Penggunaan Bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah, menengah dan universiti dalam subjek-subjek Sains dan Teknologi dan Matematik.

- * Menyokong dasar pengambilan pelajar ke institusi tinggi awam (IPTA) berdasarkan kepada meritokrasi.

- * Membuka semula SRJK (C) Damansara, Petaling Jaya agar isu tersebut tidak akan dimanipulasi oleh mana-mana pihak khususnya pada pilihan raya akan datang, dan

- * Menggesa Jabatan Perdana Menteri dan Badan Kehakiman mengemaskinikan prosedur-prosedur di mahkamah agar masa yang diperlukan untuk penyelesaian sesuatu kes dipendekkan.

Sementara itu, Wanita Gerakan pula meminta kerajaan memberi tempat kepada pelajar bukan bumiputera yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia dan Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia di institusi pengajian tinggi dan mengambil kursus mengikut subjek pilihan mereka.

Resolusi lain:

- * Mendesak supaya suatu had masa diadakan bagi amalan sistem kuota dan selepas had masa tersebut, pengambilan pelajar ke universiti akan berdasarkan prestasi dan pencapaian akademik.

- * Menyokong sistem kuota bagi pelajar-pelajar Bumiputera di institusi pengajian tinggi.

- * Mendesak kerajaan supaya jangan mengamalkan diskriminasi berdasarkan kriteria bangsa semasa memberi bantuan kewangan atau pinjaman kepada yang miskin demi membantu anak-anak mereka membiayai perbelanjaan pendidikan.

- * Meminta Kementerian Pendidikan supaya menubuhkan kelas tadika di sekolah kerajaan dan memberi bantuan kewangan kepada semua kelas tadika di sekolah rendah Cina and Tamil.

- * Meminta Kementerian Perumahan dan Kerajaan tempatan mengamalkan sistem "serah kunci" dengan hanya projek-projek perumahan yang telah disiapkan dijual kepada pembeli rumah.

- * Menyeru Jabatan Kebajikan Masyarakat supaya menubuhkan satu jawatankuasa bertindak khas mengkaji dan mencegah masalah sosial demi menjaga keselamatan kanak-kanak, remaja dan wanita, dan

- * Menyokong usaha-usaha kerajaan menghapuskan segala bentuk unsur fanatik agama, rasuah and organisasi militan.

Persidangan perwakilan Gerakan akan diadakan esok dan akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

-- BERNAMA

DC AHH NAK